



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PEKELILING ICT

BIL. 01/2019

PEMBELIAN PERKAKASAN ICT SECARA GERAN UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)

TUJUAN

1. Tujuan pekeling ini dikeluarkan adalah untuk memaklumkan syarat-syarat kelayakan permohonan geran serta perubahan dasar perolehan geran pembelian perkakasan ICT UiTM.

LATAR BELAKANG

2. Pelaksanaan pembelian perkakasan ICT secara geran bermula pada 1 Mac 2014 iaitu merujuk kepada Pekeling Naib Canselor Bilangan 02 Tahun 2014 (Pembelian Komputer Riba Secara Geran dan Garis Panduan Pengagihan Perkakasan IT Universiti Teknologi MARA), Pekeling ini hanya tertumpu kepada komputer riba sahaja.

3. Pekeling Jawatankuasa Penilaian dan Penggunaan Komputer Bilangan 01 Tahun 2015 (Pembelian Komputer Peribadi (*Desktop*) secara Geran Universiti Teknologi MARA) telah memaklumkan tambahan item pembelian perkakasan IT menggunakan geran iaitu Komputer peribadi (*desktop*) manakala Jawatankuasa Kewangan dan Pembangunan (JKP) Universiti Teknologi MARA dalam mesyuarat ke-195 pada 25 Jun 2015 telah bersetuju meluluskan tambahan item IT iaitu Tablet (*Tablet PC*).

4. Berkuat kuasa mulai 1 Januari 2017, penetapan kadar baharu geran komputer Universiti Teknologi MARA daripada RM1,500.00 untuk tempoh empat (4) tahun kepada RM2,000.00 untuk

tempoh selama lima (5) tahun telah diluluskan oleh Jawatankuasa Kewangan dan Pembangunan (JKP) yang ke-201 bertarikh 7 Disember 2016. Kelulusan ini berdasarkan pembentangan kertas kerja ke Majlis Eksekutif Universiti (MEU) Bil. 18/2016 pada 27 Julai 2016.

5. Pada 17 Januari 2017, Pekeliling ICT Bil.01/2017 (Pembelian Perkakasan ICT secara Geran Universiti Teknologi MARA (UiTM)) telah memperjelaskan penetapan kadar baharu, syarat-syarat kelayakan permohonan geran dan penambahan item perkakasan ICT.

PELAKSANAAN

6. Pembelian perkakasan ICT secara geran ini bertujuan untuk menjimatkan serta mengurangkan kos pengurusan dan operasi Universiti Teknologi MARA. Cadangan baharu pengagihan perkakasan ICT secara geran adalah seperti berikut:

a. Staf Akademik yang tidak memegang jawatan pentadbiran

Staf akademik (Gred 41 ke atas) yang berjawatan tetap tetapi belum disahkan jawatan layak mendapat geran seperti yang dipersetujui pada Mesyuarat MEU Bil. 24/2016 bertarikh 21 September 2016; dan hanya akan dibekalkan dengan komputer riba secara geran selepas tempoh komputer peribadi sewaan tamat.

b. Staf Akademik yang memegang jawatan pentadbiran

Kategori ini secara dasarnya akan menerima geran komputer riba sebagai status staf akademik dan boleh menerima komputer peribadi sama ada secara pembelian atau sewaan setelah mendapat kelulusan daripada Ketua PTJ dan Jawatankuasa ICT UiTM. (Rujuk Surat Kelulusan Keperluan Komputer Desktop Untuk Kakitangan Akademik Yang Dilantik Memegang Jawatan Pentadbiran di PTJ Ruj: 100 PPF (PTA 9/10/4/JPPK) bertarikh 6 Mac 2014).

c. Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Gred 41 ke atas)

Secara dasarnya semua staf di dalam kategori ini hanya akan layak menerima komputer peribadi sama ada secara sewaan atau pembelian. Ketua PTJ boleh memutuskan sama ada staf layak menerima perkakasan ICT secara geran dan perlu dimajukan kepada Jawatankuasa ICT UiTM untuk kelulusan mengikut kriteria kelayakan seperti berikut:

- i. Mobiliti staf iaitu kekerapan menjalankan kerja di luar pejabat dan juga perlu melaksanakan tugas di luar waktu pejabat;

- ii. Komputer peribadi yang mempunyai spesifikasi lebih tinggi yang digunakan untuk kerja-kerja teknikal seperti pembangunan sistem, simulasi aplikasi, konfigurasi perkakasan teknikal dan penggunaan perisian yang spesifik.

Walau bagaimanapun penentuan mengekalkan komputer peribadi secara sewaan atau belian adalah tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa ICT UiTM.

d. Kumpulan Sokongan (Gred 41 ke bawah)

Kumpulan jawatan ini hanya akan mendapat komputer peribadi sahaja sama ada secara sewaan atau pembelian.

- 7. Tuntutan bayaran balik geran akan dibuat sekiranya:
 - a. Staf akan bersara atau memilih untuk bersara awal daripada tempoh perkhidmatan;
 - b. Staf yang diberhentikan kerja atau berhenti secara rela. Manakala untuk staf yang meninggal dunia tiada bayaran balik yang perlu dibuat oleh waris staf tersebut.

PINDAAN DASAR

8. Sehubungan dengan itu, beberapa keputusan Jawatankuasa Kewangan dan Pembangunan (JKP) ke-187 bertarikh 24 Disember 2013 telah dipinda seperti berikut:

Bil	Dasar Sedia Ada	Pindaan Dasar
8.1	<p><u>Dasar Pembiayaan</u></p> <p>Pemberian subsidi sebanyak RM1,500.00 kepada setiap staf yang berkelayakan untuk tempoh selama empat (4) tahun iaitu bersamaan RM375.00 setahun (fleksibiliti dalam pemberian geran untuk memenuhi kes-kes tertentu). Sekiranya berlaku kehilangan, pemilik bertanggungjawab sepenuhnya dan tiada lagi pemberian geran akan diberikan sehingga tempoh empat (4) tahun yang seterusnya.</p>	<p><u>Dasar pembiayaan</u></p> <p>Pemberian subsidi sebanyak RM2,000.00 kepada setiap staf yang berkelayakan untuk tempoh selama lima (5) tahun iaitu bersamaan RM400.00 setahun (fleksibiliti dalam pemberian geran untuk memenuhi kes-kes tertentu). Sekiranya berlaku kehilangan, pemilik akan bertanggungjawab sepenuhnya atas kehilangan tersebut. Penama tidak akan diberikan pemberian subsidi untuk tempoh lima (5) tahun berikutnya.</p>

8.2	<p><u>Dasar Pengagihan</u></p> <p>Pengagihan komputer riba hanya kepada semua pensyarah (Gred 41 ke atas) dan semua kakitangan pentadbiran kumpulan pengurusan dan profesional yang berjawatan tetap dan telah sah dalam jawatan.</p>	<p><u>Dasar Pengagihan</u></p> <p>Pengagihan perkakasan ICT hanya diberikan kepada semua pensyarah (Gred 41 dan ke atas) berjawatan tetap sama ada telah sah atau belum disahkan jawatan. Bagi kakitangan pentadbiran kumpulan pengurusan dan profesional (Gred 41 ke atas) perlu mendapatkan kelulusan Jawatankuasa dalaman ICT Universiti.</p>
8.3	<p><u>Dasar Perolehan</u></p> <p>Bagi tujuan pengawalan, dicadangkan supaya perolehan komputer riba secara geran ini dikendalikan melalui UiTM Document Services Sdn Bhd (UDS) iaitu anak syarikat UiTM Holding Sdn Bhd. Pihak UDS akan membuat tuntutan bayaran terus daripada pihak Bendahari UiTM. Sekiranya harga komputer riba melebihi kelayakan geran, pemilik boleh membuat pinjaman komputer UiTM atau menampung sendiri jumlah yang tidak mencukupi tersebut.</p>	<p><u>Dasar Perolehan</u></p> <p>Mesyuarat Majlis Eksekutif Universiti (MEU) Bil.03/2019 bertarikh 16 Januari 2019 telah bersetuju mulai Januari 2019, perolehan dibuat adalah secara 'Beli Dahulu, Tuntut Kemudian' dan boleh dibeli di mana-mana pembekal komputer (termasuk secara atas talian). Sekiranya harga komputer riba melebihi kelayakan geran, pemilik boleh membuat pinjaman komputer UiTM atau menampung sendiri jumlah yang tidak mencukupi.</p>
8.4	<p><u>Dasar Pemilikan</u></p> <p>Komputer riba ini akan menjadi hak milik penuh pegawai. Penyelenggaraan akan dilakukan oleh syarikat pembekal secara terus di antara pemilik dan syarikat tanpa melibatkan Pengurusan IT UiTM.</p>	<p><u>Dasar Pemilikan</u></p> <p>Perkakasan ICT ini akan menjadi hak milik penuh pegawai. Penyelenggaraan akan dilakukan oleh syarikat pembekal secara terus di antara pemilik dan syarikat tanpa melibatkan Pengurusan ICT UiTM.</p>

PERMOHONAN

9. Permohonan pembelian peralatan ICT secara geran boleh dilaksanakan melalui Sistem University IT Services (UNITS) di <https://units.uitm.edu.my/>. Bagi permohonan komputer peribadi secara sewaan untuk staf akademik yang memegang jawatan pentadbiran perlu mengisi borang seperti di Lampiran 1.

PEMBATALAN


10. Dengan berkuat kuasa Pekeliling ICT ini, maka Pekeliling Naib Canselor Bilangan 02 Tahun 2014 bertarikh 1 Mac 2014 dan Pekeliling ICT Bil.01/2017 bertarikh 17 Januari 2017 adalah dibatalkan.

TARIKH KUAT KUASA

11. Pekeliling ini berkuat kuasa mulai **16 Januari 2019**.

PEMAKAIAN

12. Pekeliling ini adalah terpakai kepada semua staf Universiti Teknologi MARA.



PROF. Ts. Dr. MOHD FOZI ALI
Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)

Dikelilingkan kepada:

*Semua Timbalan Naib Canselor
Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat/Unit
Semua Dekan
Semua Rektor Cawangan Negeri*

*Bil. Fail : 100-PPII (INFO. 6/7/1)
Tarikh : 12 Julai 2019*

**BORANG PERMOHONAN KOMPUTER SEWAAN BAGI STAF
YANG TELAH ADA GERAN PERKAKASAN ICT UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

1. Maklumat Pemohon (Diisi oleh pemohon)

Nama Pemohon :

No. Kad Pengenalan : No. Pekerja :

Fakulti / Kampus :

Jawatan Pentadbiran :

Pusat Tanggungjawab :
(PTJ di Jawatan Pentadbiran)

Nombor Telefon :

Tandatangan Tarikh :

2. Maklumat Geran Perkakasan ICT Sedia Ada: (Diisi oleh Pegawai Liaison Officer)

Pemohon mempunyai Geran Perkakasan ICT: ADA TIADA

Maklumat Geran Perkakasan ICT	
Jenis Perkakasan	
Tarikh Terima Geran	
Baki Tempoh Geran	

Nama Pegawai Liaison Officer :

Tandatangan & Tarikh :

3. Pengesahan Ketua PTJ: LULUS TIDAK LULUS

Ulasan Ketua PTJ:

Nama :

Tandatangan & Cop Rasmi :

Tarikh :

4. Pengesahan Jawatankuasa Pembangunan Projek IT (JPPIT UiTM) :

LULUS TIDAK LULUS

.....
Tandatangan Pengerusi JPPIT

Cop & Tarikh